

ILMU | KESIHATAN | IMAN | SANTAI | KEGIATAN

Muka Depan » Kursus pengajian Islam tersedia untuk setiap peringkat usia

PENDIDIKAN

Kursus pengajian Islam
tersedia untuk setiap
peringkat usia



New



0

0



PERKASA CENDEKIAWAN ISLAM: Pusat Pendidikan Jamiyah menawarkan kursus pengajian Islam bukan sahaja buat para lulusan Peperiksaan GCE Peringkat 'O' malah kepada segenap lapisan masyarakat dari semuda empat tahun sehingga golongan dewasa. – Foto JAMIYAH

15 Jan 2016

► SITI FARHANA SHARIFF

DENGAN keputusan GCE Peringkat 'O' baru sahaja diumumkan, besar kemungkinan terdapat para pelajar yang berminat melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian Islam.

Justeru dengan adanya program-program diploma di Pusat Pendidikan Jamiyah (JEC) ia secara tidak langsung telah memberikan pilihan yang lebih luas bagi pelajar berkenaan.


Program-program tersebut ditawarkan dengan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi lagi terulung dari Malaysia dan Indonesia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Antara program diploma yang ditawarkan JEC ialah Diploma Syariah Islamiah dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dan Diploma dalam sains Islam kontemporari.

Menariknya, program diploma dalam sains Islam kontemporari dikendalikan dalam bahasa Inggeris, justeru pelajar tidak perlu risau terhadap tuntutan bahasa Arab.

JEC turut menawarkan Diploma Tahfiz Al-Quran wal Qiraat, yang merupakan satu-satunya diploma sedemikian rupa di Singapura.

Biasiswa turut disediakan. Pengarah Eksekutif JEC, Cik Nora Rustham, menekankan bahawa walaupun pelajar harus mendapat sekurang-kurangnya tiga kredit dalam GCE peringkat 'O', namun JEC turut menyediakan peluang bagi mereka yang tidak meraih keputusan sedemikian.



"Untuk masuk ke dalam program-program diploma kami, pelajar harus mendapat sekurang-kurangnya tiga kredit bagi dalam GCE peringkat 'O', namun bagi mereka yang tidak meraih keputusan yang diperlukan, kami ada menyediakan jalan keluar dan peluang bagi mereka.

"Para alumni kami juga telah mendapat peluang melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti di Malaysia dan Timur Tengah.

"Bukan itu sahaja, JEC juga menawarkan biasiswa bagi pelajar-pelajar program diploma kami dan apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah, program-program kami turut dibuka kepada mereka yang ingin mengambilnya secara sambilan," terang beliau.

Selain program-program diploma, JEC juga menawarkan ijazah sarjana muda Syariah Islamiah yang merupakan kerjasama dengan Universiti Islam Negeri Sumatera Utara Indonesia.

Para pelajar berpeluang meraih ijazah sarjana muda dalam tempoh masa setahun setengah sahaja.

Namun, JEC bukan sahaja memberi tumpuan kepada program-program diploma dan sarjana, ia turut menawarkan kepelbagaiannya dalam program-program bagi anak-anak kecil sehingga golongan dewasa.

Bahkan Cik Nora menambah: "JEC menawarkan program bagi pelajar daripada semuda 4 tahun hingga dewasa. Program madrasah mingguan kami ditawarkan dari peringkat K1 sehingga Sijil Pengajian Islam.

Program pengajian Al-Quran yang popular lagi terbukti berkesan 'LQ48H' mempelajari Al-Quran dalam masa 48 jam.

Terdapat juga program Little Huffaz yang merupakan program hafalan harian bagi kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun.

Oleh itu, ibu bapa boleh menghantar anak-anak mereka mengikuti kelas agama di JEC pada peringkat usia apa sekali pun. "Kami telah melakarkan struktur pengajian Islam bagi semua peringkat usia termasuk juga dewasa," kata Cik Nora.

Beliau menambah bahawa pihaknya juga mengambil kira yuran rendah serta program- program yang ditawarkan oleh JEC menitikberatkan faktor holistik dalam perihal pelajaran dan pengajaran.

"Kami menawarkan program-program yang menarik dan mengenakan yuran yang rendah bagi kebanyakan program kami.

"Tambahan lagi, JEC turut mempunyai kurikulum sendiri yang holistik. Tidak hanya menumpukan kepada pembelajaran di dalam kelas dan sehala.

"Namun banyak aktiviti dan program yang dijalankan bagi memberi peluang kepada pelajar lebih menghayati dan memahami pelajaran yang diajar dengan cara lebih berkesan," kata beliau.

Suatu yang menarik ialah JEC baru-baru ini menawarkan sebuah program enam bulan, Asas Agama, bagi golongan dewasa – selaras dengan matlamat JEC melakarkan program- program yang inovatif dan menarik secara konsisten dan proaktif bagi masyarakat Islam Singapura.

Selain daripada program pengajian Islam bagi dewasa, ada program-program lain seperti Huffaz Junior (program hafalan Al Quran bagi pelajar peringkat rendah), dan beberapa program lain yang bakal dilancarkan tidak lama lagi.

"JEC berharap ilmu yang disampaikan dapat memupuk akhlak mulia dan jati diri yang kukuh di dalam diri mereka yang menjalankan tanggungjawab sebagai khalifatullah dalam era globalisasi masa kini," kata beliau.

Maklumat lanjut boleh diperolehi di 190 Changi Road MDIS Building, #04-01 atau hubungi talian 6478-0475 atau layari laman web <http://jec.jamiyah.org.sg/>.

<http://specials.beritaharian.sg/sbagus/ilmu/kursus-pengajian-islam-tersedia-untuk-setiap-peringkat-usia>